

INFOKUS



DISEMBER 2025 Bil. 93
www.umat.edu.my

Istiadat Konvokesyen UMT Ke-23

Rai 2,539 Graduan

Penerbit UMT raih Kejayaan Berganda

Anugerah Buku Negara
dan Anugerah MAPIM-
KPT

Dari UMT untuk Komuniti

Inovasi Pembiakbakaan
Ratu Kelulut

eISSN 2716-6457



9 772716 645004

Terkini DI PASARAN




RM38.00

Nadi Kelulut

Pengarang

Wahizatul Afzan Azmi, Mohd Najib Rais, Mohd Noordin, Wan Iryani Wan Ismail

ISBN: 978-629-7625-89-8
Tahun: 2025



RM32.00

Tourism Transportation Services in Jordan

Pengarang

Hashem Mohamad Tashtoush, Norlinda Mohd Rozar, Bandar Ersan Haneyan Alown, Muhammad Ashlyzan Razik

eISBN: 978-629-7625-90-4
Tahun: 2025



RM45.00

Haji Abdul Rahman Limbong: Rekod Kolonial dan Epilog Perjuangan Watan

Pengarang

Hamdan Aziz, Hafiz Zakariya, Zulkifli Abdullah

ISBN: 978-629-7625-85-0
Tahun: 2025




RM31.00

Menggagas Idea, Menatah Mahasiswa Idaman

Pengarang

Mohd Izani Mohd Zain

ISBN: 978-629-7625-88-1
Tahun: 2025



RM70.00

Internationalisation of Higher Education Institutions in a Changing World

Pengarang

Abdul Latiff Ahmad, Fiify Hanisdah Saikim, Vigneshree King

ISBN: 978-629-7625-94-2
Tahun: 2025



RM16.00

No Vegetables Please!

Pengarang

Nurul Alia Idris, Norhayati Yusof, Razifah Mohd Razali, Malinna Jusoh, Nabilah Ismail

ISBN: 978-629-7625-98-0
Tahun: 2025

like and follow us on



penerbitumt

SIDANG REDAKSI



Penaung

Profesor Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim



Penasihat

Prof. Madya Dr. Che Hasniza Che Noh



Ketua Pengarang

Mohd Afifullah Ahmad



Pereka Grafik

Wan Farida Hamimi Wan Ismail

Penolong Editor dan Pembaca Prof

Nurul Safiah Din dan Anisah Balqis Yahaya

Jurufoto

Media Kreatif UMT, Koleksi Pengarang dan Kecerdasan Buatan

KANDUNGAN

- 4 Istiadat Konvokesyen UMT Ke-23 Rai 2,539 Graduan
- 6 Penerbit UMT raih Kejayaan Berganda di Anugerah Buku Negara dan Anugerah MAPIM-KPT
- 8 Dari UMT untuk Komuniti Inovasi Pemiakbakaan Ratu Kelulut
- 10 Explore the Majestic Mangrove Semarakkan Kesedaran Alam Sekitar dan Pembelajaran Bahasa Inggeris
- 12 FPEPS Bimbing Usahawan Keropok Lekor Kuasai Pemasaran Digital Bagi Tingkatkan Pendapatan
- 15 Delegasi Jurnal Universitas Airlangga Kunjungi Penerbit UMT Jambatan Perkongsian Ilmu Jurnal Indonesia–Malaysia
- 16 FSMA Perkaya Amalan Tradisi Manfaat Bunga Dalam Sajian
- 18 UMT Terapkan Kepentingan Pengauditan Air Sekolah Demi Kelestarian
- 19 Slime Trouble! Didik Murid Celik Keselamatan Permainan
- 21 UMT dan Jabatan Penjara Terengganu Perteguh Pendidikan Agama Prospek Tahfiz
- 22 UMT Santuni Komuniti Melalui Program “Pasor Percuma Ganu Kite!”
- 24 Fusion Fest Traditional Games Meet Cultures Satukan Dua Dunia
- 25 FSKM Lonjak Inovasi Pengajaran dengan Teknologi AI
- 27 UMT Hargai Sumbangan 159 Penyelaras Data dan Risiko
- 29 RoboCode Project Cetus Minat Murid Berkeperluan Khas Dalam Dunia Robotik dan Pengaturcaraan
- 31 Zero Waste Market Semarakkan Program Masjid UMT Bersama Komuniti
- 32 Program Lenturan Kasih Mencapai Cita Aplikasikan penggunaan modul Math Workshop Living in Society
- 33 Tadabbur al-Quran Satu Perjalanan Mengenal Tuhan
- 35 PISM Bersama Komuniti Rezeki Dikongsi, Ukhuwwah Bersemi
- 37 ‘Little Hands, Big Changes’ Terap Mesej Kelestarian
- 39 UMT Laksana 10 Inisiatif Kelestarian Melalui Dana ESSF 2024
- 40 Memperkukuh Bahasa Cina Dalam Kehidupan Harian Melalui KIDAKINA
- 41 Kelab BIOSIS FSSM Semai Kesedaran Penyakit Bawaan Nyamuk
- 43 Mahasiswa Matematik UMT Santuni Dua Beradik Pesakit Kronik di Merlimau
- 44 Solusi Kehidupan Dengan Terapi Zikir Asma’ul Husna Al-Qabidh



Istiadat KONVOKESYEN UMT KE-23

RAI 2,539 GRADUAN

oleh: Mohd Afifullah Ahmad
Penerbit UMT

Istiadat Konvokesyen UMT Ke-23 Tahun 2025 telah berlangsung di Dewan Sultan Mizan, UMT, pada 26 hingga 29 Oktober 2025. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu merangkap Canselor UMT berkenan berangkat menyempurnakan pembukaan Istiadat. Seramai 2,539 graduan diraikan meliputi 254 orang graduan pasca siswazah dan 2,285 orang graduan prasiswazah termasuk 425 graduan yang turut menerima Ijazah Kelas Pertama. Istiadat kali ini turut melahirkan 18 graduan sulung daripada program Sarjana Muda Sains Gunaan Nanofizik dengan Kepujian.

Pada sidang pertama Istiadat Konvokesyen UMT ke-23, Tuanku Canselor turut berkenan mengurniakan Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) kepada Mohamad Izuwansah Ishak,

graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) dengan Kepujian, Fakulti Sains Perikanan dan Akuakultur (FSPA) bagi kategori Bumiputera dan Alina A/P Pannirselvam graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim) dengan Kepujian, Fakulti Pengajian Maritim (FPM) bagi kategori bukan bumiputera.

Anugerah Pingat Emas Canselor pula dianugerahkan kepada Logenthiran A/L Velaventhana graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian, Fakulti Pengurusan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS). Sementara itu, Anugerah Pro-Canselor diraih oleh Muhamad Syaizwadi Shaifudin (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan) bagi kategori Sains dan Ramizatunnisah Jais (Fakulti Pengurusan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial) bagi kategori Sains Sosial.



Turut diumumkan penerima Anugerah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti iaitu Siti Nur Hanani Zainuddin (Ijazah Sarjana Sains Marin, Institut Oseanografi dan Sekitaran – INOS) serta Ahmad Hakimi Abdul Halim (Ijazah Sarjana Ekonomi, FPEPS).

Anugerah Khas PTPTN pula disampaikan kepada Lt. Muda Pertahanan Awam Mohammad Aiman Amsyar Zakir (FPM) dan Faye Stephenia anak Jellom (Fakulti Sains dan Sekitaran Marin – FSSM).



Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah berangkat ke Majlis Santapan Petang yang diadakan pada 25 Oktober 2025 di Hotel Raia, Kuala Nerus. Dalam majlis itu, Tuanku Canselor berkenan melancarkan Sultan Mizan World Blue Economy Forum (WBEF) 2026 yang bakal berlangsung pada September 2026. Forum berprestij itu bakal menjadi platform kerjasama serantau dan antarabangsa dalam bidang Ekonomi Biru merangkumi

sektor tenaga laut boleh diperbaharui, bioteknologi marin, pelancongan komuniti serta perikanan mampan.

Baginda turut berkenan melancarkan Taman Pendidikan Bakau UMT-ETIQA hasil kerjasama strategik antara UMT dan Etiqa General Takaful Berhad. Projek itu merupakan satu-satunya taman pendidikan bakau di daerah Kuala Nerus yang digazetkan sebagai kawasan pembelajaran dan pemuliharaan ekosistem paya bakau alami.

Selain itu juga, baginda berkenan menerima penyampaian sumbangan zakat, wakaf dan endowmen daripada beberapa pihak antaranya Etiqa Takaful, MAIDAM, Bank Islam Malaysia Berhad, Ambank Islamic Berhad, Lembaga Tabung Haji dan PLUS Malaysia Berhad dengan nilai keseluruhan berjumlah RM3.3 juta.





PENERBIT UMT RAIH KEJAYAAN BERGANDA

di Anugerah Buku Negara dan
Anugerah MAPIM-KPT

Oleh: Anisah Balqis Yahya
Nurul Safiah Din
Penerbit UMT

Penerbit UMT mencatat kejayaan membanggakan setelah meraih enam kemenangan dalam Anugerah Buku Negara 2024 – 2025 yang berlangsung sempena Pesta Buku Antarabangsa Selangor 2025 pada 3 Disember 2025 di Setia City Convention Centre, Setia Alam, Selangor. Majlis anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) itu mengiktiraf karya ilmiah terbaik negara merentas pelbagai bidang.

Antara kemenangan yang diperoleh ialah karya Raja Bendahara Long Jenal 1800–1845: Sejarah dan Perjuangan oleh Mohamad Nuraidil Zakaria yang diangkat sebagai Buku Sejarah dan

Biografi Terbaik melalui pengkisahan tokoh penting dalam sejarah Kelantan. Dalam bidang statistik sosial, Prof. Madya Dr. Azwadi Ali memenangi Buku Matematik Terbaik menerusi Aplikasi PLS Menggunakan R dalam Kajian Sains Sosial, sebuah karya yang memudahkan pemahaman teknik analisis PLS dan penggunaan SmartPLS versi 3.

UMT turut meraih pengiktirafan apabila buku *Industrialization on Rural Community in Terengganu* oleh Prof. Madya Dr. Muhammad Abi Sofian Abdul Halim bersama penulis bersama diumumkan sebagai Buku Sains Sosial Terbaik, manakala *Pengurusan Harta Pusaka dan Harta Orang Islam Menurut*

Syarak tulisan Dr. Jaharudin Padli dipilih sebagai Buku Islamik Terbaik kerana memberi panduan jelas mengenai pengurusan harta pusaka menurut syarak.

Dalam kategori buku terjemahan, Prof. Dr. Shamsul Bahri Abd Razak meraih kemenangan menerusi penterjemahan buku Kelulutologi: Unveiling the Enigma of Stingless Bees, Nature, and Human Life, sekali gus melengkapkan hatrik kemenangan beliau dalam anugerah tersebut. Sementara itu, karya Fishes of Kenyir tulisan Dr. Mohamad Aqmal-Naser dan Prof. Madya Dr. Amiruddin Ahmad memenangi Buku Sains dan Teknologi Terbaik melalui dokumentasi komprehensif mengenai kepelbagaian spesies ikan di Tasik Kenyir.

Kejayaan ini mengukuhkan reputasi UMT sebagai institusi yang aktif dan berprestasi dalam penghasilan karya ilmiah bermutu, sehingga dapat memartabatkan sebagai penyelidikan dan penerbitan akademik di peringkat nasional.

Di Anugerah MAPIM-KPT ke-16 pula menyaksikan karya Dr. Mohammad Aqmal-Naser dan Prof. Madya Dr. Amiruddin sekali lagi memenangi



anugerah dalam kategori Anugerah Buku Ilmiah Terbaik Sains dan Teknologi (S&T). Majlis anjuran Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) ini diadakan pada 10 Disember 2025 di Dewan Za'ba, Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya.

Fishes of Kenyir ialah buku khas yang menceritakan tentang pelbagai jenis ikan yang hidup di Tasik Kenyir. Tasik Kenyir ialah tasik air tawar yang besar di Malaysia yang mempunyai pelbagai haiwan dan tumbuhan. Buku ini membantu saintis, pelajar dan orang yang menjaga alam semula jadi mengetahui lebih lanjut tentang ikan dan tasik.

Panel penilai Anugerah MAPIM-KPT menobatkan buku itu berdasarkan ketelitian penyelidikan, ketepatan data, impak terhadap pembangunan ilmu zoologi serta perannya dalam menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 15).

Salah satu kekuatan utama buku Fishes of Kenyir ialah penyampaian maklumat saintifik terkini tentang spesies ikan yang berstatus Endangered dan Critically Endangered, sekali gus menekankan keperluan mendesak untuk melaksanakan langkah konservasi di lapangan.





1

DARI UMT UNTUK KOMUNITI

Inovasi Pembiakbakaan Ratu Kelulut In-Vitro Perkasa Penternak Kecil Kelulut Terengganu

oleh: Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan Azmi
Damiea Asma Abdullah
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

Sektor penternakan kelulut di Malaysia kini memerlukan lebih banyak inovasi dan teknologi baharu bagi membantu penternak menggandakan koloni dengan kaedah yang lebih murah, efisien dan lestari. Permintaan tinggi terhadap produk lebah kelulut seperti madu, roti debunga (*bee bread*) dan propolis telah mendorong penternak tempatan untuk meningkatkan pengeluaran secara mampan tanpa menjejaskan alam sekitar.

Namun, kejayaan proses penggandaan koloni ini sangat bergantung kepada penghasilan ratu kelulut yang sihat dan subur. Oleh itu, teknik pembiakbakaan ratu secara in-vitro diperkenalkan sebagai satu penyelesaian inovatif bagi mengatasi

kekurangan ratu dalam industri penternakan kelulut tempatan.

Teknik pembiakbakaan ratu kelulut secara in-vitro adalah satu kaedah moden yang membolehkan ratu kelulut dihasilkan di makmal dengan lebih cepat, murah dan mesra alam. Inovasi ini memberi harapan baharu kepada penternak untuk menggandakan koloni tanpa bergantung kepada kaedah tradisional yang mengambil masa lama dan kurang efisien.

Selaras dengan usaha tersebut, satu bengkel bertajuk “Kenali Si Ratu dan Wira Kelulut” telah diadakan pada 23 Ogos 2025 di bawah pembiayaan Knowledge and Technology Assimilation Grant Scheme (KTAGS). Program ini menghimpunkan seramai 40 orang peserta, terdiri daripada ahli

1. Aktiviti pemerhatian mikroskop membantu peserta mengenal pasti perbezaan antara kasta kelulut dengan lebih dekat.



Persatuan Lebah Kelulut Terengganu (PELEKAT) serta pengusaha kelulut dari Terengganu, Kelantan, Selangor dan Johor.

Bengkel ini diketuai oleh Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan Azmi, penyelidik yang telah berjaya membangunkan kaedah pembiakbakaan ratu kelulut *Heterotrigona itama* secara in-vitro melalui penyelidikan sejak dari tahun 2020 lagi. Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi latihan dan pengetahuan asas pembiakbakaan ratu kelulut in-vitro kepada penternak kecil serta usahawan mikro terpilih di Terengganu, bagi membantu mereka menggandakan koloni kelulut dengan kaedah yang lebih murah, praktikal dan mesra alam.

Selain memperkasa peserta, projek ini turut memberi pulangan bermakna kepada UMT melalui pengukuhan hubungan strategik universiti bersama komuniti tempatan. Ia memperluas aktiviti pemindahan ilmu dan teknologi, membina kepercayaan dua hala antara penyelidik dan usahawan, serta menyokong pembangunan ekosistem agroindustri yang berdaya saing.

Sepanjang pelaksanaan program, beberapa cabaran turut dikenal pasti

seperti kadar kematian ratu yang tinggi semasa pembiakbakaan di makmal, tahap kemahiran peserta yang masih rendah serta penerimaan terhadap teknologi baharu yang agak perlahan. Sebagai langkah penyelesaian, penyelidik UMT mengambil langkah proaktif termasuk menambahbaik protokol makmal, menghasilkan modul bergambar yang mudah difahami, dan melaksanakan sesi libat urus berterusan bagi membina keyakinan peserta terhadap teknologi ini.

Secara keseluruhannya, bengkel “Kenali Si Ratu dan Wira Kelulut” ini berjaya menjadi platform penting dalam memperkasa komuniti penternak kecil dan usahawan mikro melalui perkongsian dan pemindahan ilmu berasaskan penyelidikan.

Dengan sokongan geran KTAGS dan kepakaran penyelidik UMT, inovasi pembiakbakaan ratu kelulut in-vitro ini berpotensi meningkatkan pengeluaran madu secara lestari, menyumbang industri agro pelancongan negeri Terengganu, serta menyokong Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021–2025 bagi menjamin kelestarian bekalan makanan negara.

2. Sesi praktikal di lapangan iaitu demonstrasi aplikasi ratu kelulut in-vitro dan pengecaman kelulut pejanan dan pekerja kelulut.
3. Larva kelulut yang dibiakbakaan secara in-vitro di dalam plat Elisa.



EXPLORE THE MAJESTIC MANGROVE

Semarakkan Kesedaran Alam Sekitar dan Pembelajaran Bahasa Inggeris

Oleh: Dr. Izan Dato' Haji Jaafar
Dr. Tengku Fara Kamilia Tengku Mohd Kamil
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

Wetland School of Setiu, Terengganu menjadi pusat pembelajaran luar bilik darjah bagi 50 pelajar sekolah rendah dan menengah dalam Program Kembara Ilmu: "SMALL hands, GIANT impact for Climate Change: Explore the Majestic Mangroves". Program ini melibatkan penyertaan pelajar dari lima buah sekolah sekitar Kuala Terengganu iaitu Sekolah Kebangsaan Bari, Sekolah Kebangsaan Pechah Rotan, Sekolah Kebangsaan IPG KDRI, Sekolah Kebangsaan Tok Jiring, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot.

Dengan bimbingan gabungan pensyarah-pensyarah daripada pelbagai bidang kepakaran UMT, termasuk Ketua

Projek Dr. Tengku Fara Kamilia Tengku Mohd Kamil, Prof. Madya Dr. Azza Jauhar, Dr. Izan Jaafar, dan Cik Suria Hani Ibrahim. Program ini berlangsung dengan kerjasama NGO Ecoswed Initiative dan Akademi Cikgu Alam Setiu Wetland. Peruntukan bagi projek ini disalurkan melalui Pejabat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko UMT dengan sokongan penuh Pusat Pengurusan Lestari UMT.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendidikan kepada para pelajar tentang kepentingan kelestarian ekosistem hutan paya bakau di dalam memerangi perubahan iklim dunia dan memperkasakan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah. Aktiviti-aktiviti

1. Taklimat disampaikan di dalam bahasa Inggeris untuk mendedahkan murid-murid sekolah rendah dengan aktiviti bahasa Inggeris di luar sekolah

yang dijalankan bertujuan menanam rasa cinta dan tanggungjawab terhadap alam sekitar sambil mengukuhkan kemahiran berbahasa Inggeris dalam konteks kehidupan sebenar.

Pelajar terlibat dalam pelbagai aktiviti menarik seperti pemindahan nurseri yang memberi peluang kepada mereka untuk belajar menanam anak pokok bakau sebagai usaha pemuliharaan alam sekitar, dan aktiviti mencari lokan di hutan paya bakau yang membolehkan pelajar untuk lebih memahami kepentingan ekosistem ini sebagai penampan semula jadi pantai.

Menurut Ketua Projek, Dr. Tengku Fara Kamalia, “Kembara Ilmu ini memberi pengalaman pembelajaran yang unik kepada para pelajar. Di samping memperoleh ilmu tentang kelestarian alam, mereka juga berpeluang meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris dalam suasana yang lebih interaktif dan menyeronokkan. Usaha ini sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 13 - Climate Action. Menerusi pendidikan alam sekitar, kita dapat mendidik generasi muda untuk

lebih peka terhadap isu perubahan iklim dan kepentingan ekosistem seperti hutan paya bakau dalam mengurangkan kesan perubahan iklim.”

Pelajar-pelajar menunjukkan minat yang mendalam sepanjang program ini, dengan ramai yang bersemangat untuk mempraktikkan Bahasa Inggeris di luar kelas, iaitu semasa meneroka alam sekitar. Program ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran mereka terhadap kelestarian alam tetapi juga menambah keyakinan mereka dalam berkomunikasi menggunakan Bahasa Inggeris.

Program Kembara Ilmu: Explore the Majestic Mangrove ini diharapkan dapat diteruskan sebagai program tahunan untuk menyemai kesedaran terhadap alam sekitar dan mempromosikan pembelajaran Bahasa Inggeris yang lebih interaktif. Dengan sokongan NGO Ecoswed Initiative serta pihak-pihak lain, UMT terus komited dalam mendidik generasi muda untuk menjadi penjaga alam sekitar yang berilmu dan bertanggungjawab.



2. Aktiviti mengenal haiwan dan tumbuhan bakau berkonsepkan sekolah alami
3. Aktiviti mengenal organisma lokan dan tumbuhan bakau di sekolah alami Setiu



FPEPS BIMBING USAHAWAN KEROPOK LEKOR

Kuasai Pemasaran Digital Bagi Tingkatkan Pendapatan

oleh: Dr. Zuraini Anang
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Keropok lekor bukan sekadar makanan ringan yang popular di pantai timur, tetapi juga simbol warisan dan identiti masyarakat Terengganu. Di Kuala Nerus khususnya, industri keropok lekor telah menjadi nadi ekonomi bagi ramai keluarga tempatan sejak puluhan tahun dahulu. Aroma ikan segar yang digaul bersama tepung sagu, digentel panjang dan digoreng rangup bukan hanya membangkitkan selera, tetapi juga menyimpan kisah tentang usaha gigih para pengusahanya.

Namun, di sebalik keenakan itu, para usahawan keropok lekor berdepan cabaran besar untuk terus bersaing dalam dunia perniagaan yang semakin moden. Isu seperti kenaikan harga ikan, kos operasi yang meningkat, dan keterbatasan pemasaran digital

sering membataskan pendapatan mereka. Dalam dunia yang semakin berorientasikan teknologi dan inovasi, pengusaha tradisional perlu bergerak seiring dengan arus perubahan agar produk warisan ini kekal relevan dan berdaya saing.

Menyedari potensi besar dalam industri keropok lekor, sekumpulan penyelidik dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial dan Fakulti Sains Makanan dan Akuakultur yang diketuai oleh Dr. Zuraini Anang berkolaborasi bersama Majlis Amanah Rakyat (MARA) Kuala Nerus melaksanakan Program Peningkatan Pendapatan Usahawan Keropok Lekor di Kuala Nerus di bawah Dana KTAGS.

Matlamat utama program ini adalah untuk mendedahkan usahawan Industri

Kecil dan Sederhana (IKS) terhadap pemrosesan dan pembungkusan keropok lekor dan penggunaan pemasaran digital dalam industri keropok lekor. Program ini dijalankan dengan pendekatan praktikal, memberi fokus kepada tiga objektif utama iaitu meningkatkan pendapatan usahawan keropok lekor melalui penggunaan strategi pemasaran digital yang lebih berkesan, memperkasakan kemahiran digital usahawan bagi meningkatkan jualan dan memperluas capaian pasaran produk keropok lekor tempatan dan menilai impak pemasaran digital terhadap prestasi perniagaan, khususnya dalam aspek peningkatan pendapatan dari hasil jualan yang meroket dari semasa ke semasa.

Program ini juga menekankan pembangunan modal insan, peningkatan kemahiran perniagaan, serta transformasi digital bagi memodenkan industri tradisional ini. Antara modul utama yang

dijalankan termasuk asas rancangan perniagaan keropok lekor yang memperkenalkan peserta kepada strategi perancangan, pengurusan kos, dan analisis pasaran. Diikuti dengan motivasi diri sebagai usahawan yang menumpukan kepada membina semangat dan ketahanan mental dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa. Seterusnya, pembangunan produk dan pembungkusan moden yang mempertingkatkan nilai tambah produk melalui reka bentuk dan inovasi pembungkusan yang menarik.

Slot kuasa viral TikTok memperkenalkan teknik pemasaran digital dengan menghasilkan video pendek, membuat penjenamaan produk yang menarik, dan menggunakan analitik digital untuk memahami tingkah laku pelanggan. Pendekatan ini membolehkan mereka memperluas pasaran tanpa perlu bergantung semata-mata pada jualan fizikal. Dengan itu, usahawan dapat menetapkan sasaran pelanggan dan meningkatkan jualan dari semasa ke semasa. Pertandingan Tik Tok juga dianjurkan



1. Para peserta sedang khusyuk menyelesaikan borang soal selidik yang disediakan oleh fasilitator sebelum program bermula

untuk memberi peluang kepada usahawan untuk menghasilkan Tik Tok yang berkualiti agar dapat memenangi hati pelanggan dan membuat belian dengan mudah dan sistematik samada yang berdekatan atau luar Terengganu.

Salah seorang usahawan program ini dari Kampung Pak Tuyu berkongsi bagaimana pembelajaran mengenai “Kuasa Viral TikTok” memberi kesan besar kepada jualan. Dengan hanya menghasilkan video ringkas tentang proses membuat keropok lekor, beliau berjaya menarik ribuan tontonan dan pelanggan baharu. Dalam tempoh dua bulan, jualanannya meningkat lebih 30 peratus, dan kini beliau berhasrat menubuhkan perniagaan dalam talian sepenuhnya. Kejayaan ini menjadi bukti bahawa ilmu pemasaran digital mampu mengubah cara usahawan tradisional beroperasi.

Impak program menunjukkan perubahan ketara dalam cara usahawan berfikir dan bertindak. Lebih 70%

peserta melaporkan peningkatan pendapatan, manakala ramai yang mula menerapkan strategi digital dalam promosi produk. Tambahan pula, usahawan kini lebih memahami pentingnya penjenamaan, reka bentuk logo, dan konsistensi dalam identiti visual. Penggunaan pembungkus moden bukan sahaja menambah tarikan produk, tetapi juga menjadikannya sesuai dipasarkan di platform e-dagang. Diikuti dengan pendedahan pemasaran digital yang memfokuskan kepada Viral Tik Tok untuk meroketkan jualan dan seterusnya meningkatkan pendapatan usahawan keropok lekor.

Program Peningkatan Pendapatan Usahawan Keropok Lekor di Kuala Nerus membuktikan bahawa dengan ilmu dan bimbingan yang tepat, industri tradisional mampu melangkah ke hadapan. Transformasi digital bukan sekadar trend, tetapi keperluan untuk memastikan kelangsungan ekonomi mikro yang berdaya tahan.



2. Perkongsian kejayaan Dynar Lekor oleh Encik Ro-Jan dan lawatan ke kilang pembuatan dan pemprosesan keropok lekor bersama usahawan keropok lekor.

DELEGASI JURNAL UNIVERSITAS AIRLANGGA Kunjungi Penerbit UMT

oleh: Wan Fathiah Wan Mohd Zain
Aisyah Nor Athirah
Penerbit UMT

Pada pagi 8 Disember 2025, suasana di Bilik Mesyuarat Kapas, Pejabat Pendaftar UMT penuh dengan suasana keilmuan apabila pihak Penerbit UMT menerima kunjungan hormat dari delegasi Jurnal Ilmiah Perikanan dan Kelautan, Universitas Airlangga (UNAIR), Indonesia. Delegasi ini bukan sekadar huluhan salam perkenalan, tetapi menjadi jambatan untuk perkongsian ilmu, strategi, pengalaman, serta pengurusan penerbitan jurnal ilmiah.

Delegasi dari UNAIR terdiri daripada dua orang iaitu, Profesor Dr. Sri Subekti yang merupakan Ketua Editor bagi Jurnal Ilmiah Perikanan dan Kelautan (JIPK) dan Dr. Adriana Monica yang merupakan Ketua Unit Sosial Ekonomi Perikanan dan Kelautan di Universitas Airlangga. Mereka diiringi oleh dua wakil UMT dari Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP), iaitu Prof. Madya Dr. Nurul Ulfah Karim dan ChM. Nurzuhrah Hassan. Manakala, Penerbit UMT diwakili oleh Timbalan Pengarah, Puan Rabil Sitta Abdul Rahman bersama-sama pasukan Seksyen Penerbitan Jurnal UMT. Turut hadir, Timbalan Pengarah Jawatankuasa Teknikal Jurnal, iaitu Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan Azmi.

Pertemuan dimulakan dengan sesi pengenalan formal antara Penerbit UMT dengan JIPK UNAIR, diikuti dengan perkongsian amalan terbaik dalam pengurusan jurnal. Pihak UNAIR

berkongsi pengalaman menarik mereka, termasuk strategi pengindeksan Scopus yang berjaya dilaksanakan dalam masa dua bulan sahaja. Selain itu, mereka juga mendedahkan kepada pihak Penerbit UMT bahawa UNAIR mempunyai lebih kurang 70 penerbitan jurnal ilmiah dan 20 daripadanya telah berjaya terindeks dalam Scopus. Pengalaman ini memberi inspirasi kepada pihak UMT untuk terus mempertingkatkan kualiti jurnal-jurnal UMT.

Dalam lawatan delegasi ini juga, pihak UNAIR mencadangkan untuk mengadakan bengkel secara dalam talian bersama Dr. Rozi, Editor Pengurusan JIPK bagi memberi bimbingan dalam pengurusan jurnal terutamanya dari aspek strategi pengindeksan Scopus serta berkongsi amalan penerbitan jurnal ilmiah. Cadangan ini disambut positif oleh pihak Penerbit UMT kerana seiring dengan misi UMT untuk meningkatkan kualiti dan pengiktirafan jurnal ilmiah pada peringkat antarabangsa.

Kunjungan hormat ini diakhiri dengan harapan yang sangat besar agar hubungan dua hala antara Universiti Malaysia Terengganu dengan Universitas Airlangga terus diperkuat dan diperkukuh bukan sahaja dalam penerbitan jurnal ilmiah, tetapi dalam bidang penyelidikan dan pendidikan yang lebih meluas.





FSMA PERKAYA AMALAN TRADISI

Manfaat Bunga Dalam Sajian

Oleh: Husni Hayati Mohd Rafdi
Iffah Hazirah Mohd Nawi
Fakulti Sains Makanan dan Agroteknologi

Amalan memakan bunga sudah lama dipraktikkan oleh nenek moyang kita sejak turun-temurun. Contoh terdekat ialah kaedah memasak nasi kerabu menggunakan bunga telang untuk mendapatkan nasi yang berwarna biru selain penggunaan bunga kantan bagi membangkitkan aroma dan rasa dalam masakan seperti laksa dan asam pedas. Kini, amalan memakan bunga diperluas dengan dijadikan hiasan kulineri dan ditambah dalam makanan dan minuman untuk memberi kepelbagaian aroma, rasa dan tekstur dalam hidangan terutamanya di hotel-hotel terkemuka dan kafe-kafe.

Justeru itu, beberapa orang pensyarah dari Fakulti Sains Makanan dan Agroteknologi (FSMA), melalui geran Knowledge and Technology Assimilation Grant Scheme (KTAGS), telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan bengkel "Menyangkap Keindahan dan Manfaat

Bunga yang Boleh Dimakan Dalam Sajian dan Kehidupan Sehari-hari". Bengkel ini melibatkan penyertaan seramai 80 orang peserta dari komuniti terpilih iaitu Pusat Aktiviti Warga Emas Daerah Kuala Nerus (PAWE@UMT), Kawasan Rukun Tetangga Marang, pelajar kulineri dari Kolej MSU, dan pelajar kulineri dari Kolej Vokasional Besut.

Antara kandungan bengkel yang diadakan pada 21 Ogos 2025 di UMT kampus Bukit Kor ini ialah memperkenalkan kepada komuniti jenis-jenis bunga yang boleh dimakan, penjagaan pokok bunga secara organik serta langkah-langkah memproses bunga bermula daripada penuaian, pembasuhan, pengeringan dan pembungkusan produk. Pendedahan kepada kaedah-kaedah tersebut adalah penting untuk memastikan bunga-bunga tersebut boleh dimakan dengan selamat.

Demonstrasi tentang kepelbagaian penggunaan bunga yang boleh dimakan juga dijalankan. Sebagai contoh, bunga telang dimasak bersama nasi untuk dijadikan pewarna biru. Manakala campuran bunga telang dan bunga raya dijadikan teh dengan memasukkannya ke dalam air panas, dan dicampurkan dengan lemon dan madu untuk memmaniskan sedikit teh tersebut. Campuran bunga kantan, bunga nasturtium, dan bunga viola pula dijadikan sebagai kerabu bersama daun-daun herba terpilih. Sementara bunga ros, dianthus dan viola dijadikan hiasan kek.



Sebelum bengkel berakhir, para peserta telah dibekalkan dengan modul bengkel, net pengering, pokok bunga dan baja organik supaya peserta boleh menanam sendiri bunga. Bahan pembungkusan seperti botol kaca, *dessiccator*, bag berzip dan uncang teh juga turut diberikan sebagai permulaan untuk menyimpan produk dengan lebih selamat. Para peserta juga diminta untuk mempraktikkan ilmu yang diajar dan memberikan maklum balas berupa gambar-gambar pokok dan produk-produk yang mereka hasilkan daripada bunga yang boleh dimakan tersebut.

UMT Terapkan Kepentingan **PENGAUDITAN AIR SEKOLAH DEMI KELESTARIAN**

Oleh: Dr. Noor Afzalina Mohamad
Dr. Norakma Abd. Majid
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Dalam menghadapi cabaran global seperti penggunaan air secara berlebihan, pencemaran air, dan perubahan iklim, UMT telah memperkenalkan Program “Pengauditan Air: Mendidik Demi Kelestarian” kepada 200 pelajar di tiga buah sekolah di negeri Terengganu iaitu Sekolah Kebangsaan Gong Badak, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman, dan Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Wataniah. Program tersebut telah berjaya dilaksanakan pada 26 Ogos, 1 September dan 2 September 2025 dengan kerjasama Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial serta Pusat Pengurusan Lestari yang diketuai oleh Dr. Noor Afzalina Mohamad dan dibantu oleh tiga pensyarah UMT.

Program yang mendapat tajaan Dana Environmental and Social Sustainability Funds (ESSF) dari UMT ini dijalankan bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan pengurusan air yang cekap, teknik asas pengauditan air atau mencatat penggunaan air, memeriksa kebocoran pada sistem perpaipan di sekitar kawasan sekolah dan menerapkan kesedaran terhadap penjimatan air.

Pengisian program merangkumi aktiviti ceramah mengenai kepentingan sumber air, demonstrasi penapis air dan cara menguji kualiti air pada sesi perkongsian pertama yang disampaikan oleh Dr. Teh Sabariah Abdul Manan



dan Puan Zaira Aniza Samsudin. Pada sesi perkongsian kedua, program ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai teknik asas pengauditan sumber air sekolah menggunakan prinsip perakaunan.

Secara berkumpulan, pelajar merekod penggunaan air dan melaporkan di dalam mini laporan audit yang disediakan. Pelajar juga membuat tinjauan lapangan ke tandas sekolah, kantin, surau atau lokasi di mana air digunakan secara intensif di dalam kawasan sekolah. Ini bagi memeriksa peralatan seperti paip, hos dan sink di kawasan sekolah dan merekod kebocoran air supaya dapat memaklumkan kepada pihak sekolah untuk tindakan selanjutnya.

Program ini menunjukkan UMT komited dalam memberi peluang kepada pelajar sekolah untuk merasai pengalaman pembelajaran secara praktikal di lapangan, selain menggabungkan pendidikan alam sekitar dengan ilmu perakaunan. Hasil laporan mini audit yang dihasilkan diyakini dapat membantu pihak sekolah mengurangkan kos operasi serta memperkukuh budaya penggunaan air secara lestari.



SLIME TROUBLE!

Didik Murid Celik Keselamatan Permainan

Oleh: Norliawati Mohd Sidek
Wan Nurhafa Wan Salam
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Slime sudah menjadi satu fenomena permainan dalam kalangan kanak-kanak sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Teksturnya yang lembut, kenyal dan sangat mudah dibentuk sering menjadikannya mainan kegemaran murid prasekolah. Namun, di sebalik bayang keseronokan itu, wujud kebimbangan terhadap kandungan bahan kimia dalam sesetengah produk *slime* yang boleh membawa risiko kepada kesihatan, khususnya jika ia digunakan tanpa pengawasan atau tidak dipilih dengan teliti. Menjawab keperluan komuniti prasekolah ini, pelajar-pelajar kursus PPA3143 Kimia dan Masyarakat, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di bawah Jabatan Ilmu Dasar dan Keusahawanan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), menganjurkan program pemindahan ilmu komuniti bertajuk '*Slime Trouble! Is It Really Safe?*'.

Program ini dilaksanakan pada 22 Mei 2025 bertempat di Quety Qeeds Preschool, Kuala Nerus, Terengganu melibatkan seramai 25 orang murid prasekolah berusia lima dan enam tahun. Penganjuran ini diketuai oleh Puan Norliawati Mohd Sidek, pensyarah kursus PPA3143 yang turut bertindak sebagai ketua jawatankuasa dan mentor utama. Beliau dibantu oleh rakan pensyarah, Encik Mohd Azmi bin Muhammed Idris, guru bahasa PPAL, Cik Wan Nurhafa binti Wan Salam, serta pegawai tadbir PPAL, Puan Ainur Yushazmie binti Azaha. Turut sama ialah sembilan orang mahasiswa UMT daripada pelbagai

program pengajian yang berganding bahu sebagai pengarah, jawatankuasa pelaksana dan fasilitator.

Program ini berkonsepkan pendidikan tidak formal dengan pendekatan pembelajaran santai, menyeronokkan tetapi sarat dengan mesej kesedaran. Objektif utama penganjuran adalah untuk memberi pendedahan awal kepada murid prasekolah mengenai bahan kimia berbahaya dalam *slime*, meningkatkan kesedaran tentang risiko kesihatan akibat pendedahan kepada bahan tersebut, memupuk budaya memilih permainan yang selamat sejak kecil, serta membantu mereka memahami cara mengenal pasti kandungan bahan kimia melalui label produk. Pada masa yang sama, program ini juga bertujuan mendidik murid tentang langkah-langkah keselamatan yang wajar diamalkan ketika bermain dengan *slime* supaya impak buruk dapat dielakkan.

Antara aktiviti menarik yang telah diaturkan termasuk kuiz ceria, penggunaan kad imbas (flashcard), eksperimen ringkas secara praktikal, tayangan video bergambar, dan sesi soal jawab. Pendekatan ini membolehkan peserta kanak-kanak terlibat belajar secara berperingkat, bermula dengan penerangan santai, diikuti demonstrasi, seterusnya pengukuhan melalui kuiz sebelum dan selepas program. Aktiviti eksperimen mendapat perhatian paling tinggi apabila fasilitator menunjukkan dua cara membuat *slime*, iaitu dengan menggunakan bahan kimia sintetik dan satu lagi menggunakan bahan lebih

mesra alam tanpa bahan sintetik. Murid-murid dapat mencuba dan melihat sendiri perbezaan dua jenis yang ketara, sekaligus memahami bahawa keseronokan bermain masih boleh dinikmati tanpa bergantung pada bahan berisiko.

Bahan asas yang digunakan dalam aktiviti telah direka suai supaya mudah diperolehi dan dalam kos rendah agar ibu bapa dan guru dapat mengulanginya di rumah atau sekolah. Antara bahan yang digunakan ialah gam PVA gred makanan (untuk demonstrasi pengajaran), tepung jagung organik, air, larutan garam ringan, pewarna makanan, serbuk kunyit dan daun pandan sebagai pewarna atau pemberi aroma semula jadi. Peralatan juga ringkas sahaja iaitu bekas plastik, sudu kecil, sarung tangan, apron, dan tisu basah. Kos rendah bahan alternatif ini adalah satu aspek penting yang ditekankan oleh pihak penganjur agar ia membolehkan pendekatan selamat dikongsi secara meluas tanpa beban kewangan kepada tadika, sekolah, atau ibu bapa murid.

Tayangan video pendek langkah keselamatan ketika bermain *slime* turut memberi impak besar kerana disampaikan dalam bentuk visual yang mudah difahami. Murid-murid diberi panduan tentang cara mengenal pasti label produk, bahan yang harus dielakkan, serta amalan selamat ketika bermain. Sesi soal jawab pula menjadi ruang untuk mereka



melontarkan rasa ingin tahu, manakala fasilitator berperanan menjawab dalam bahasa mudah yang sesuai dengan tahap umur peserta. Untuk mengukur impak perubahan pengetahuan, penganjur telah menjalankan kuiz ringkas pra dan pasca program.

Maklum balas daripada guru Quety Qeeds pula amat positif. Guru-guru memuji susunan aktiviti yang bersesuaian dengan tahap umur murid serta bahan ajar yang mesra kanak-kanak. Mereka menyatakan keyakinan untuk menerapkan modul ringkas ini sebagai antara aktiviti pembelajaran di prasekolah mereka sekaligus menjadikan sains lebih dekat dengan kehidupan seharian. Seorang guru berkongsi maklum balas bahawa mereka menghargai aspek kos rendah dan keselamatan eksperimen, kerana ia memudahkan mereka mereplikasi sesi tersebut di kelas tanpa perlu sumber khas. Ibu bapa juga pastinya akan berasa lega apabila anak pulang dengan kefahaman tambahan tentang amalan selamat ketika bermain *slime* dan mampu menunjukkan langkah-langkah asas kebersihan selepas bermain.





UMT DAN JABATAN PENJARA TERENGGANU

Perteguh Pendidikan Agama Prospek Tahfiz

Oleh: Ts. Dr. Wiwied Virgiyanti
Dr. Noor Azliza Che Mat
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Delegasi UMT telah menghadiri Majlis Penyerahan Dana Kajian Sosial dari Kementerian Pendidikan Tinggi yang berlangsung di Dewan Terbuka Penjara Marang pada 3 September 2025. Majlis ini turut menyaksikan penyerahan Geran Kajian Sosial daripada Kementerian Pendidikan Tinggi. Delegasi UMT diketuai oleh Pro Naib Canselor Jaringan Industri, Masyarakat dan Digital Prof. Ts. Dr. Noor Maizura Mohamad Noor. Turut hadir, Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Pemasyarakatan), Tuan Haji Ahmad Fuadzi Awang dan Pengarah Penjara Negeri Terengganu, PKK Haji Mohd Nasir Yusof.

Geran sebanyak RM69,270 di bawah Dana Kajian Sosial Kementerian Pendidikan Tinggi ini bertujuan memperkasa pendidikan agama prospek tahfiz melalui penggunaan aplikasi digital Think Quran. Projek ini merupakan inisiatif bersama UMT dan Jabatan



Penjara Malaysia yang menggabungkan pendekatan tradisional serta teknologi moden dalam usaha pemulihan.

Delegasi UMT juga telah dibawa melawat Pusat Tahfiz Al-Firdaus yang beroperasi di dalam Penjara Marang. Lawatan ini memberi peluang kepada pihak UMT untuk meninjau suasana pembelajaran prospek secara dekat, memahami keperluan pendidikan agama di institusi pemulihan, serta menilai keberkesanan aplikasi Think Quran sebagai medium pengajaran.

1. Sesi penyerahan Penyerahan Mock Cheque Dana Kajian Sosial daripada Kementerian Pendidikan Tinggi
2. Ucapan disampaikan oleh Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Pemasyarakatan), Tuan Haji Ahmad Fuadzi Awang
3. Majlis Penyerahan Mock Cheque Dana Kajian Sosial yang turut dihadiri oleh masyarakat yang terlibat



UMT Santuni Komuniti Melalui Program **“PASOR PERCUMA GANU KITE!”**

Oleh: Mohd. Jamil Rasyidi Mohd Ramlan
 Prof. Madya Dr. Chia Poh Wai
 Pusat Pengurusan Lestari

UMT melalui Pejabat Transformasi Perancangan Strategik dan Risiko (TSR) telah menyertai program komuniti “Pasor Percuma Ganu Kite!” yang berlangsung di Masjid Kampung Paradong, Manir pada 23 Ogos 2025. Program ini dianjurkan bagi memberi manfaat kepada masyarakat setempat melalui penyediaan pelbagai barangan keperluan asas secara percuma, sekali gus menyemarakkan semangat kebersamaan dan kepedulian sosial.

Penyertaan UMT dalam program ini adalah bukti menunjukkan komitmen universiti dalam menyokong agenda pembangunan komuniti serta memperkukuhkan hubungan dengan

masyarakat luar kampus. Melalui program ini, UMT bukan sahaja berperanan sebagai penyumbang, tetapi juga sebagai penggerak kepada inisiatif kemasyarakatan yang selari dengan prinsip tanggungjawab sosial universiti (University Social Responsibility, USR). Sumbangan yang diberikan termasuk pakaian terpakai, buku bacaan ilmiah, permainan kanak-kanak, peralatan dapur, serta barangan persekolahan dan sukan.

Penyertaan UMT dalam program “Pasor Percuma Ganu Kite!” juga menzahirkan aspirasi universiti untuk sentiasa dekat dengan masyarakat setempat, khususnya dalam menyokong agenda kebajikan dan kesejahteraan. Program ini bertepatan dengan matlamat

UMT dalam Pelan Strategik Universiti untuk memperkukuh jaringan komuniti melalui kerjasama empat pihak utama: akademik, masyarakat, kerajaan dan industri.

Bagi UMT, penyertaan ini turut menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran warga universiti tentang kepentingan memberi kembali kepada masyarakat. Program ini juga membuka ruang kepada kakitangan dan pelajar UMT untuk bersama-sama melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan yang memberi impak langsung kepada komuniti.

Program yang berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari ini menerima sambutan hangat daripada penduduk sekitar Kampung Paradong. Kehadiran warga UMT telah memeriahkan lagi program, dengan keterlibatan aktif mereka dalam menguruskan gerai sumbangan dan berinteraksi bersama masyarakat. Suasana penuh mesra dan harmoni ini mencerminkan nilai ihsan dan budaya saling membantu yang menjadi teras masyarakat Malaysia.



Secara keseluruhannya, penyertaan UMT dalam program “Pasor Percuma Ganu Kite!” bukan sahaja berjaya meringankan beban keluarga yang memerlukan, malah turut memperkukuhkan hubungan erat antara universiti dan masyarakat. Inisiatif seperti ini harus diteruskan dan diperluaskan agar manfaatnya dapat dinikmati secara lebih inklusif, selaras dengan peranan UMT sebagai universiti lestari yang bukan sahaja berfokus kepada pembangunan akademik, tetapi juga kesejahteraan sosial dan komuniti sekitarnya.



FUSION FEST: TRADITIONAL GAMES MEET CULTURES

Satukan Dua Dunia

Oleh: Ts. Dr. Khairul Annuar Abdullah
Hemasangari Marar Jagadesh Varma Marar
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Kelab Mahasiswa Teknologi Komputer (COMTECH), Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) telah berjaya menganjurkan program Fusion Fest: Traditional Games Meet Cultures pada 17 Mei 2025 di Pantai UMT. Program ini dianjurkan bersama Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dan Mentor-Menti FSKM, bertujuan mempromosi perpaduan dan memupuk pemahaman silang budaya antara mahasiswa tempatan dan antarabangsa melalui aktiviti permainan tradisional secara santai dan menyeronokkan.

Fusion Fest menghimpunkan 86 peserta, termasuk 12 mahasiswa antarabangsa dari Andijan State University (ASU), Uzbekistan, bersama 58 mahasiswa dan pensyarah UMT serta 16 Ahli Jawatankuasa Pelaksana. Dengan fokus kepada permainan tradisional Malaysia dan pertukaran budaya interaktif, program ini menjadi platform inklusif yang mengeratkan hubungan antara peserta dari pelbagai latar belakang dalam suasana penuh muhibah.

Antara permainan tradisional yang diketengahkan ialah boling kelapa, tarik upih, terompah gergasi, dan tangkap belon air. Permainan dilakukan secara berkumpulan bagi menggalakkan penglibatan aktif dan kerjasama antara peserta. Fusion Fest menekankan nilai kerja berpasukan, toleransi, dan



1



2



3

keterangkuman, membolehkan peserta merasai dan menghargai budaya Malaysia secara langsung.

Fusion Fest membuktikan potensi aktiviti tidak formal dalam membentuk graduan seimbang dari segi akademik dan sahsiah, yang menghargai kepelbagaian budaya dan berfikir global.

Program ini berjaya merapatkan jurang antara mahasiswa tempatan dan antarabangsa, memperkukuh komuniti, dan memupuk budaya kampus inklusif. Inisiatif sebegini boleh dijadikan model aktiviti santai berimpak tinggi yang menggalakkan penghargaan silang budaya serta menyokong pembangunan sendiri holistik mahasiswa selaras aspirasi UMT.

1. Mahasiswa UMT dan ASU bergabung tenaga dalam permainan tarik upih.
2. Mahasiswa ASU bermain boling kelapa.
3. Mahasiswa ASU mencuba permainan congkak.



FSKM LONJAK INOVASI

Pengajaran dengan Teknologi AI

Oleh: Dr. Hasnah Nawang
Dr. Rosaida Rosly
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Lestari telah menganjurkan Program Memperkasa Pendidik: Aplikasi AI dalam Pengajaran pada 24 September 2025 di Kolej Komuniti Kuala Terengganu Cawangan Setiu, Setiu, Terengganu. Program sehari ini menghimpunkan para guru MRSM dari seluruh Terengganu iaitu dari MRSM Kuala Terengganu, MRSM Kuala Berang, MRSM Kota Putra dan MRSM Besut dengan objektif memperkasa keupayaan mereka dalam mengaplikasikan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam amalan bilik darjah.

Program ini memberi fokus kepada penerapan teknologi AI dalam pengajaran dengan tujuan meningkatkan keberkesanan bilik darjah, memperkasa kreativiti guru dan memperkukuh kaedah PdP yang lebih interaktif. Matlamat utamanya adalah untuk memperkasa

guru dengan kemahiran praktikal AI agar mereka mampu menghasilkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berasaskan AI, membangunkan kuiz digital, serta mereka bentuk bahan pengajaran kreatif. Inisiatif ini juga sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, khususnya SDG 4 (Pendidikan Berkualiti), SDG 9 (Inovasi dan Infrastruktur Industri) serta SDG 17 (Kerjasama untuk Matlamat).

Sesi pertama dikendalikan oleh Dr. Hasnah Nawang yang memperkenalkan konsep asas AI serta membincangkan isu etika penggunaannya dalam pendidikan. Sesi kedua bersama Dr. Rosaida Rosly pula memberi tumpuan kepada penghasilan RPH dan kuiz interaktif menggunakan ChatGPT dan Gemini. Pada sebelah petang, Dr. Khairul Annuar Abdullah dan En. Che Akmal Che Yahaya berkongsi teknik praktikal

melalui NotebookLM untuk reka bentuk pengajaran serta penggunaan Canva AI dalam menghasilkan kuiz digital yang kreatif.

Sepanjang program, para guru daripada empat MRSM ini terlibat secara aktif dalam aktiviti berbentuk amali. Mereka berpeluang membangunkan RPH berasaskan AI, merangka kuiz interaktif, dan menghasilkan bahan PdP digital yang lebih menarik. Pihak penganjur menekankan bahawa AI berperanan sebagai alat sokongan yang mampu meningkatkan kreativiti guru tanpa mengabaikan nilai interaksi manusia dan prinsip etika pendidikan.

Hasil daripada program ini menunjukkan peningkatan keupayaan peserta dalam menghasilkan bahan pengajaran yang inovatif dan responsif kepada keperluan pelajar. Program ini juga mengukuhkan komitmen UMT untuk terus membangunkan profesionalisme guru, memperkasa inovasi dalam pendidikan serta mempereratkan jaringan kerjasama dengan institusi tempatan.



Langkah seterusnya yang diketengahkan termasuk penganjuran modul lanjutan untuk mendalami aplikasi AI, peluasan kerjasama dengan sekolah menengah dan kolej komuniti di negeri lain, serta pembangunan komuniti amalan dalam talian sebagai platform perkongsian inovasi.





UMT Hargai Sumbangan 159 PENYELARAS DATA DAN RISIKO

Oleh: Che Ku Noor Fatimah Che Ku Ahmad
Nur Amirah Amiruddin
Pejabat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko

Peranan Penyelaras Data dan Risiko kini sangat penting dalam memastikan pengurusan data dan kawalan risiko di Pusat Tanggungjawab (PTj) berjalan lancar. Mereka bukan sahaja mengurus pengumpulan dan pelaporan data dengan teratur, tetapi juga membantu mengenal pasti risiko yang boleh mengganggu operasi universiti. Tugas ini menyokong UMT dalam mengamalkan pengurusan risiko bersepadu dan membuat keputusan yang tepat berdasarkan data.

Bagi menghargai sumbangan tersebut, Pejabat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR), UMT telah menganjurkan Majlis Apresiasi Penyelaras Data dan Risiko 2025 buat julung kalinya pada 3 Julai 2025, bertempat di Auditorium Mahyuddin, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS), UMT.

Majlis ini meraikan seramai 159 Penyelaras Data dan Risiko yang telah menunjukkan dedikasi dan komitmen tinggi dalam memperkukuh pengurusan data serta risiko di universiti.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohd Izani Mohd Zain dan turut dihadiri oleh Pro Naib Canselor (Strategi, Prestasi dan Korporat), Prof. Ts. Dr. Mohd Fadzil Mohd Akhir, serta Ketua Pustakawan UMT, Tuan Haji Abu Hassan Ghazali. Kehadiran pimpinan universiti ini menambahkan lagi kemeriahan majlis yang penuh simbolik penghargaan.

Dalam ucapan perasmian, Prof. Dr. Mohd Izani menegaskan kepentingan sinergi dan kerjasama erat antara PTj dan pejabat TSR bagi memastikan pengurusan data dan risiko universiti berada pada tahap yang berkualiti. Menurut



beliau, aspek tersebut merupakan landasan penting untuk melonjakkan kecemerlangan UMT dalam arena pendidikan tinggi, khususnya ketika universiti semakin berdepan dengan persaingan global yang kompetitif.

Majlis turut diserikan dengan sesi pemotongan pulut kuning sebagai simbol kesyukuran atas kejayaan yang telah dicapai oleh UMT. Antara kejayaan paling membanggakan yang diraikan ialah pencapaian UMT yang berjaya meningkatkan kedudukan dalam QS World University Rankings (WUR) ke kelompok 801–850, setelah lima tahun kekal dalam kelompok 1001–1200. Selain itu, penarafan antarabangsa lain

termasuk Times Higher Education (THE), Sustainability, UI Green Metric, dan THE by Subject turut mencatat peningkatan ketara, membuktikan keberkesanan strategi pengurusan data serta pemantauan risiko universiti.

Majlis yang penuh bermakna ini diharapkan menjadi pemangkin kepada usaha berterusan dalam memperkuat ekosistem pengurusan data dan risiko universiti pada masa hadapan. Kejayaan ini juga disifatkan sebagai hasil kerjasama seluruh warga UMT yang sentiasa komited dalam menyumbang kepada pembangunan universiti ke arah kecemerlangan bertaraf dunia.





ROBOCODE PROJECT CETUS MINAT MURID BERKEPERLUAN KHAS

Dalam Dunia Robotik dan Pengaturcaraan

Oleh: Wan Mohd Tarmizi bin Wan Mohd Yusuf
Pusat Asasi STEM

Pusat Asasi STEM dengan kerjasama Yayasan TM telah menganjurkan Pertandingan RoboCode Kebangsaan bertempat di Ar-Riyadah Residence, Kuala Nerus, pada 2 Oktober 2025 yang menyaksikan penyertaan seramai 130 orang murid dari 15 buah sekolah melibatkan 11 buah sekolah pendidikan khas dan empat kelas PPKI sekolah kebangsaan dari seluruh negara.

Pertandingan ini merupakan Fasa 3 dan juga fasa terakhir bagi *RoboCode Project*, merupakan inisiatif di bawah Geran Impak Sosial Yayasan TM yang bertujuan memberi pendedahan awal kepada murid berkeperluan khas dalam bidang robotik dan pengaturcaraan. Golongan sasaran melibatkan murid keperluan khas bagi kategori masalah pendengaran, autisme, disleksia dan masalah pembelajaran.

RoboCode Project dijalankan dengan tiga fasa bermula November 2024.

Fasa 1 bermula dengan lawatan tapak ke setiap sekolah yang mengambil bahagian di dalam projek ini. Lawatan tapak ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas awal terutamanya pengalaman murid dan guru bagi aktiviti robotik dan pengekodan. Dapatan daripada lawatan tapak ini dianalisis bagi membangunkan modul pembelajaran robot dan pengekodan bagi murid berkeperluan khas.

Seterusnya Fasa 2 (bengkel robotik) yang dijalankan di setiap sekolah menyaksikan murid bersama guru dibimbing melalui aktiviti pengaturcaraan blok (block programming) dan permainan robotik asas bagi memupuk minat terhadap teknologi serta meningkatkan kemahiran digital asas. Pendekatan ini bukan



sahaja memberi kefahaman awal tentang dunia sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM), tetapi turut membantu membangunkan keyakinan diri, kemahiran berfikir secara kreatif serta semangat kerja berpasukan dalam kalangan peserta.

Sepanjang pelaksanaan projek ini, para peserta dan guru telah didedahkan dengan aktiviti pengaturcaraan blok serta permainan robotik yang ringkas dan interaktif, bagi merangsang minat serta meningkatkan kemahiran asas dalam teknologi digital. Pendedahan awal ini diyakini mampu menjadi asas penting dalam membina keyakinan diri serta mengembangkan potensi murid dalam bidang sains dan teknologi.

Pelaksanaan projek ini bukan sekadar memberi peluang pembelajaran baharu

kepada murid berkeperluan khas, malah menjadi pemangkin kepada usaha memastikan mereka tidak ketinggalan daripada arus pendigitalan dan kemajuan kecerdasan buatan (AI) yang kian pesat berkembang.

Pertandingan *RoboCode*

Kebangsaan ini sekali gus menjadi platform inklusif untuk meraikan potensi dan bakat murid berkeperluan khas, di samping memperkukuh komitmen pelbagai pihak dalam menyediakan peluang pendidikan yang mampan bagi semua golongan.

Mohamad Noor, Pro Naib Canselor UMT (Jaringan Industri, Masyarakat dan Digital) bersama Pn. Ainol Shahriana Sahar, Pengarah Yayasan TM, penaja *RoboCode Project* meninjau aktiviti yang telah dijalankan oleh peserta.





ZERO WASTE MARKET

Semarakkan Program Masjid UMT Bersama Komuniti

Oleh: Wan Mohd Tarmizi bin Wan Mohd Yusuf
Pusat Asasi STEM

Pusat Pengurusan Lestari (PPL), UMT terus memperkukuh agenda kelestarian melalui penganjuran *Zero Waste Market* bersempena Program Masjid UMT Bersama Komuniti: “Rezeki Dikongsi, Ukhuwwah Bersemi”. Program ini berlangsung selama dua hari, iaitu pada 27 hingga 28 Julai 2025, bertempat di perkarangan tempat letak kenderaan Pusat Islam Sultan Mizan (PISM), UMT.

Pelaksanaan *Zero Waste Market* turut diserikan dengan program *Trash to Cash* anjuran Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM) yang bertujuan meningkatkan kesedaran warga UMT tentang kepentingan mengurangkan pembaziran serta mengamalkan gaya hidup lestari. Inisiatif ini menekankan konsep 3R (Reduce, Reuse, Recycle) melalui aktiviti seperti penggunaan semula barangan, pengurangan plastik sekali guna, dan pengumpulan bahan kitar semula.

Menurut Ketua Pusat PPL, UMT, Prof. Madya Dr. Chia Poh Wai, *Zero Waste Market* bukan sekadar program sementara, sebaliknya menjadi pemangkin perubahan minda warga universiti agar lebih peka terhadap isu alam sekitar. “Kita ingin membudayakan

gaya hidup lestari dalam kehidupan seharian, bermula dengan tindakan kecil seperti mengurangkan penggunaan plastik, membawa bekas sendiri, dan berkongsi barangan agar dapat dikitar semula,” katanya.

Program ini juga memberi nilai tambah kepada pengisian Masjid UMT Bersama Komuniti kerana ia bukan hanya menekankan kelestarian, tetapi turut menyemai semangat kebersamaan antara warga kampus dan masyarakat setempat. Antara pengisian menarik ialah Program Jualan Rahmah, gerai komuniti, sumbangan barangan keperluan, serta sesi perkongsian ilmu mengenai amalan sifar sisa. Melalui pendekatan ini, warga kampus dan masyarakat didedahkan dengan kepentingan pengurusan sisa secara lestari yang mampu memberi impak positif kepada alam sekitar.

Zero Waste Market menjadi wadah penglibatan langsung pelajar dan staf UMT dalam usaha memelihara kelestarian, di samping mengeratkan hubungan dengan masyarakat luar melalui pendekatan praktikal dan inklusif. Kehadiran masyarakat setempat yang memberi sokongan padu membuktikan bahawa isu kelestarian kini semakin mendapat perhatian ramai.



PROGRAM LENTURAN

KASIH: MENCAPAI CITA

Aplikasikan penggunaan modul Math Workshop: Living in Society 2.0

Oleh: Prof. Madya Dr. Mohamad Nazri Husin
Megat Mohammad Daniel Azlinzal
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Program Lenturan Kasih: Menggapai Cita telah berlangsung pada 26 Julai 2025 bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mahkota Merlimau, Melaka. Program ini merupakan hasil kolaborasi erat antara unit Warga Emas dan Unit Kanak-Kanak Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Jasin, Kelab Himpunan Mahasiswa Matematik (HIMMAT) dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) UMT serta pihak sekolah sebagai tuan rumah.

Sejumlah 70 peserta telah terlibat dalam program ini yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan peserta terpilih dari PKMD Jasin yang menjadikan program ini sebagai platform merentas komuniti yang inklusif dan menyeluruh. Program ini turut mendapat sokongan padu daripada Datuk Dr. Akmal Saleh (ADUN Merlimau) dan Puan Siti Faizah Abdul Azis (ADUN Sungai Rambai) yang menjadi pemangkin utama kelancaran pelaksanaan program di peringkat akar umbi.

Salah satu fokus utama program ini ialah ceramah kesedaran khas yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Polis Daerah Jasin, DSP Nor Azlinda Hj. Nordin. Ceramah ini menekankan tentang bahaya gejala sosial, jenayah remaja dan kepentingan integriti diri, serta membuka

minda pelajar tentang cabaran hidup dan kepentingan membuat pilihan yang bijak.

Program ini turut dimeriahkan dengan aktiviti pendidikan berkonsepkan sukaneka menggunakan modul *Math Workshop: Living in Society 2.0* yang dikendalikan oleh mahasiswa HIMMAT. Menggunakan pendekatan santai dan interaktif, aktiviti ini menggabungkan permainan logik, cabaran matematik dan simulasi harian. Modul inovatif ini telah meraih pelbagai anugerah antarabangsa dalam pertandingan International Education Innovation Competition (EDU@INNOVATE).

Program Lenturan Kasih membuktikan bahawa pendekatan inovatif seperti modul *Math Workshop: Living in Society 2.0* mampu meningkatkan minat pelajar terhadap Matematik serta membina keyakinan, daya fikir dan kemahiran menyelesaikan masalah. Lebih daripada sekadar program pendidikan, ia menjadi platform pengukuhan jaringan sosial antara pelajar, komuniti, agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi, selari dengan semangat Malaysia MADANI yang menekankan kasih sayang, ilmu dan keterangkuman.

TADABUR AL-QURAN

Satu Perjalanan Mengetahui Tuhan

Oleh: Faizah binti Ismail
Pusat Islam Sultan Mahmud, UMT

Pusat Islam Sultan Mahmud bersama-sama Tadabur Centre dan Persatuan Sahabat Tadabur al-Quran Terengganu (PSTQ) telah mengambil langkah proaktif menganjurkan program tadabur bagi memberi kefahaman kepada warga UMT dan Masyarakat setempat.

Teks yang anda kongsi memberikan gambaran pentingnya memahami al-Quran secara menyeluruh, bukan hanya membacanya tetapi juga meneliti sebab penurunan (asbabun nuzul) dan tema utama setiap surah. Ini bukan sahaja memudahkan proses tadabur, malah membantu pembentukan akhlak mulia dalam kehidupan seharian.

Selain itu, inisiatif yang diambil oleh Pusat Islam Sultan Mahmud bersama Tadabur Centre dan Persatuan Sahabat Tadabur al-Quran Terengganu (PSTQ) dengan menganjurkan program tadabur sangat relevan dan bernilai. Program seperti ini berperanan menyebarkan kefahaman al-Quran yang mendalam kepada warga Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan masyarakat setempat, sekali gus mengukuhkan hubungan spiritual dan sosial dalam komuniti.

Siri pertama Jelajah Tadabur telah diadakan pada 26 Julai 2025 bertempat di Dewan Persidangan 1, UMTCC sebagai usaha merenung dan memahami ayat-ayat al-Quran secara mendalam melalui konsep 5T iaitu Tafsir, Tadabur, Tilawah, Tabligh dan Tazakkur. Program ini bertujuan menyediakan panduan praktikal untuk mengaplikasikan tadabur dalam kehidupan seharian, khususnya melalui pemahaman jenis-jenis ayat seperti muhkamat, mutasyabihat dan lain-lain.

Peserta dididik tentang teknik tadabur yang berbeza mengikut jenis ayat dan bagaimana proses ini dapat meningkatkan kekhusyukan solat, memperkukuh hubungan dengan Allah serta memantapkan kehidupan peribadi dan sosial. Program ini telah menarik penyertaan seramai 140 peserta yang didedahkan kepada ilmu dan bimbingan daripada jurulatih berpengalaman dari Tadabur Centre, antaranya Ustaz Syaari Ab Rahman, Ustaz Syahmi Syazeril Azmi, Dr. Azrul Azlan dan Ustaz Amirul Ihsan.



Siri kedua Jelajah Tadabur telah diadakan pada 2 Ogos 2025 bertempat di Auditorium 2, Kompleks Kuliah Pusat, UMT. Setelah peserta memahami kaedah tadabur pada siri pertama, siri ini membawa mereka berinteraksi lebih mendalam dengan al-Quran melalui tema dan ibrah setiap surah. Program Ibrah 114 dirancang untuk meningkatkan kemahiran peserta dalam mengenali tema dan tujuan surah, serta mendekatkan diri dengan mesej al-Quran agar perilaku dan karakter dapat mencerminkan nasihat yang disampaikan.

Selain itu, peserta juga didedahkan tentang hubungan antara surah yang membantu memahami kebesaran, kejelasan mesej, keteraturan susunan, dan keindahan gaya bahasa al-Quran. Seminar sehari ini berjaya menghimpunkan kira-kira 150 orang peserta yang turut didampingi oleh panel jemputan, Jurulatih Utama Tadabbur Centre, Ustaz Syaari Abdul Rahman.





PISM BERSAMA KOMUNITI

Rezeki Dikongsi, Ukhuwwah Bersemi

Oleh: Faizah binti Ismail
Pusat Islam Sultan Mahmud, UMT

Pada 27 dan 28 Julai 2025, UMT menganjurkan Program Pusat Islam Sultan Mahmud (PISM) Bersama Komuniti bertempat di dataran Masjid UMT. Program dua hari ini berjaya menarik ratusan pengunjung daripada kalangan warga UMT dan masyarakat sekitar Kuala Nerus. Berlangsung dari jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang, program ini mengetengahkan pelbagai aktiviti yang merangkumi aspek keprihatinan sosial, pendidikan, kesihatan, serta paling ketara kelestarian alam sekitar, selari dengan agenda hijau negara dan identiti UMT sebagai universiti berorientasikan kelautan dan alam sekitar.

Antara pengisian utama program ini merangkumi pelbagai aktiviti yang menyasarkan kesejahteraan komuniti. Jualan Rahmah Madani menawarkan barangan asas pada harga berpatutan, manakala *Free Market* menggalakkan



budaya berkongsi melalui pemberian barangan terpakai. *Trash To Cash* pula mendidik tentang nilai kitar semula dan penjagaan alam sekitar. Produk UMT seperti Rosel dan madu diketengahkan sebagai hasil penyelidikan lestari. Dari sudut kesihatan, disediakan pemeriksaan mata dan urutan refleksologi secara mesra komuniti. Untuk kanak-kanak, *English Teachers to the Rescue* menyediakan aktiviti pembelajaran bahasa Inggeris secara interaktif. Manakala Klinik Al-Fatihah membantu memperbetul bacaan Surah Al-Fatihah dengan pendekatan yang lembut dan mendidik.

Antara elemen unik yang diketengahkan dalam program ini adalah kempen “Bawa Beg Sendiri, Sayangi Bumi”, sebagai satu seruan untuk mengurangkan penggunaan plastik dan mengamalkan gaya hidup rendah karbon. Keseluruhan program ini disusun berteraskan prinsip 3R (Reduce, Reuse, Recycle) dan memberi contoh nyata bagaimana program keagamaan boleh diintegrasikan dengan misi kelestarian.

Program ini dianjurkan oleh PISM dengan sokongan padu daripada Koperasi Mahasiswa UMT (KOSISWA), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kuala Nerus, Pusat Pengurusan Lestari (PPL) serta dua fakulti UMT iaitu Fakulti Perikanan & Sains Makanan (FPSM) dan Fakulti Sains & Sekitaran Marin (FSSM).



Menurut Ketua Pusat Islam Sultan Mahmud, Dr Kasyfullah Abd Kadir, objektif utama program ini adalah untuk membudayakan semangat memberi, membina jaringan kasih sayang antara institusi dan masyarakat, serta membentuk warga prihatin terhadap alam sekitar. Menerusi pendekatan ini, Islam ditampilkan sebagai agama yang mendorong kepada pemeliharaan alam dan kesejahteraan manusia seagat. Program ini turut diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UMT, Profesor Ir. Ts. Dr Zamri Ibrahim.



'LITTLE HANDS, BIG CHANGES' Terap Mesej Kelestarian

Oleh: Norliawati Mohd Sidek
Dr. Syuhaida Mohamed@Jaafar
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Pada 26 Mei 2025, sekumpulan mahasiswa dan pensyarah dari Jabatan Ilmu Dasar dan Keusahawanan, PPAL, UMT telah melaksanakan program komuniti bertajuk 'Little Hands, Big Changes' bagi mendidik kanak-kanak tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Program ini adalah sebahagian daripada kursus PPA3173 Pembangunan Lestari. Ia dianjurkan oleh RIG Kelestarian dan Komuniti dengan penglibatan empat pensyarah sebagai mentor dan sepuluh mahasiswa sebagai fasilitator.

Seramai 27 murid prasekolah berusia lima hingga enam tahun dari Tadika Genius Aulad Kuala Nerus telah menyertai program ini. Objektif utama program 'Little Hands, Big Changes' yang direka suai mengikut tahap umur peserta cilik adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mereka tentang isu pencemaran serta kesan negatifnya terhadap bumi dan kesihatan

manusia.

Selain itu, ia bertujuan untuk memperkenalkan tatacara pengurusan sisa dan konsep kitar semula secara praktikal, di samping memupuk daya inovasi melalui aktiviti seni kreatif menggunakan bahan semula jadi atau terpakai. Dengan pendekatan mesra kanak-kanak, mesej kelestarian berjaya disampaikan secara santai supaya kekal dalam ingatan kecil mereka.

Program bermula jam 8.00 pagi dengan sesi *ice breaking* dan senamrobik bagi menceriakan suasana serta mengeratkan hubungan antara fasilitator dan murid. Aktiviti mewarna pula memberi ruang kepada peserta mengekspresikan idea tentang alam semula jadi seperti pokok, sungai, haiwan dan tong kitar semula. Konsep 3R (reduce, reuse, recycle) diperkenalkan dalam bahasa mudah sebelum diteruskan dengan aktiviti seterusnya.

Aktiviti utama merupakan projek DIY kitar semula yang memberi peluang kepada murid menghasilkan kraftangan daripada kertas berwarna dan cawan kertas guna semula. Hasil karya seperti tong sampah mini dan tabung bercorak alam memperlihatkan kreativiti kanak-kanak serta memberikan mesej bahawa bahan buangan boleh diberi nafas baharu. Aktiviti ini juga mengasah kemahiran motor halus dan kebolehan berfikir secara inovatif dalam kalangan murid.

Bagi mengukur kefahaman peserta, sesi kuiz mudah telah dijalankan. Soalan disusun mengikut tahap kanak-kanak seperti mengenal tempat buang botol atau kesan pencemaran sungai. Keputusan kuiz pra dan pasca-program menunjukkan peningkatan kefahaman sebanyak kira-kira 42 peratus. Selepas program, lebih ramai murid mampu mengenal pasti langkah asas kitar semula dan memberi contoh amalan lestari di rumah atau sekolah.

Dari segi modal, program ini direka secara mampan dan mudah diulang. Bahan yang digunakan mudah diperolehi dan berkos rendah seperti kertas, botol terpakai, cawan kertas, kotak, pewarna dan alat tulis sedia ada.



Pendekatan ini membolehkan guru dan ibu bapa mengulang aktiviti tanpa kos tinggi, sekali gus memperluas impak ke peringkat komuniti.

Maklum balas daripada guru-guru Tadika Genius Aulad juga sangat positif. Mereka menghargai susunan aktiviti yang sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak dan menegaskan bahawa program sebegini mampu memberi nilai tambah kepada kurikulum prasekolah. Seorang guru menyatakan penghargaan terhadap aspek praktikal dan kos rendah aktiviti, sambil berharap modul ini boleh dijadikan sebahagian daripada aktiviti kokurikulum tadika secara berkala. Ibu bapa juga pasti berasa bangga apabila anak-anak pulang dengan hasil kraftangan sendiri, bersama kefahaman tentang amalan menjaga alam sekitar.

Bagi mahasiswa UMT yang terlibat secara langsung, pengalaman menjalankan program sebegini membuka ruang untuk mereka mengaplikasikan teori pembangunan lestari ke dalam komuniti. Mereka juga belajar cara berkomunikasi dengan kanak-kanak, serta bagaimana merancang aktiviti dan bekerja dalam pasukan. Bagi pensyarah pula, melihat perubahan sikap serta peningkatan kefahaman murid sebagai peserta memberikan kepuasan profesional dan mengukuhkan keberkaitan antara penyelidikan, pengajaran dan khidmat komuniti.



UMT LAKSANA 10 INISIATIF KELESTARIAN

Melalui Dana ESSF 2024

Oleh: Mohd Jamil Rasyidi Mohd Ramlan
Prof. Madya Dr. Chia Poh Wai
Pusat Pengurusan Lestari

UMT menerajui pelaksanaan sepuluh projek berimpak tinggi di bawah Dana Environmental and Social Sustainability Fund (ESSF) 2024 bagi mempromosikan kelestarian alam sekitar serta pemberdayaan komuniti setempat. Pelbagai inisiatif diperkenalkan merangkumi bidang ekopelancongan, pemuliharaan biodiversiti, pendidikan alam sekitar, pertanian mampan, literasi digital, dan pengurangan sisa plastik.

Antara yang menonjol ialah program ekopelancongan di Pulau Kapas dan Pulau Redang yang memperkasakan komuniti melalui latihan kelestarian serta aktiviti pemuliharaan biodiversiti. Selain itu, projek seperti *Explore the Majestic Mangroves* dan *EcoSmart Kids* memberi fokus kepada pendidikan awal murid sekolah rendah dan menengah mengenai perubahan iklim dan kepentingan ekosistem hutan paya bakau.

Beberapa inisiatif turut menggabungkan kelestarian dengan penjaan pendapatan, seperti penanaman hidroponik menggunakan bekas terpakai, penghasilan kompos daripada bongkah cendawan terbuang, dan Bengkel Ikan Asap yang menyokong pengeluaran makanan secara lestari.



Dalam pada itu, UMT turut menganjurkan program literasi digital untuk komuniti berkeperluan khas, membuktikan teknologi sebagai alat pemberdayaan ekonomi. Sementara itu, kempen “Jom Tolak Plastik di Pasar” melibatkan kerjasama pelajar, agensi kerajaan dan NGO untuk meningkatkan kesedaran awam tentang bahaya penggunaan plastik sekali guna.


Bengkel Burung Terengganu pula memberi penekanan kepada sains rakyat dalam usaha pemuliharaan spesies burung tempatan, seterusnya menyemai rasa tanggungjawab terhadap kepelbagaian hidupan darat dalam kalangan masyarakat.

UMT dilihat terus komited menjadi pelopor dalam menjalin kerjasama antara akademik, komuniti, NGO dan pihak berkuasa tempatan demi masa depan yang lebih hijau, lestari dan inklusif.

MEMPERKUKUH BAHASA CINA

Dalam Kehidupan Harian Melalui KIDAKINA

Oleh: Dr. Nurul Ain Chua Abdullah
Pensyarah, Pusat Pendidikan Asas Dan Lanjutan



Projek “Kenali Budaya, Kuasai Bahasa Cina (KIDAKINA)” merupakan satu inisiatif pemindahan ilmu yang bertujuan untuk memperkukuh penguasaan Bahasa Cina dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan (SK). Ia dijalankan menerusi pendekatan yang berasaskan budaya serta digital interaktif dan inklusif.

Pelaksanaan program KIDAKINA telah berlangsung pada 21 dan 22 Mei 2025 di SK Tok Jiring dan SK Gong Tok Nasek bagi memperkenalkan budaya, meningkatkan kosa kata asas Bahasa Mandarin, dan menanam minat belajar bahasa ketiga melalui pendekatan yang santai.

Aktiviti interaktif yang dijalankan dalam program selama dua hari ini adalah berkaitan dengan budaya Cina

seperti membuat tanglung, membuat ucapan Tahun Baharu Cina, dan nyanyian lagu dan permainan bahasa.

Kemuncak projek ini adalah Karnival KIDAKINA peringkat negeri Terengganu yang diadakan pada 7 September 2025 di SK Pusat Bukit Besar. Karnival ini dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu, Encik Kamsah@ Kamal Mohamed dan turut dihadiri oleh para pensyarah Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan UMT.

Karnival ini dimeriahkan dengan beberapa aktiviti seperti pertandingan tulisan hanzi dan pertandingan nyanyian lagu bertemakan unsur budaya cina. Aktiviti-aktiviti ini nyata berjaya menyediakan platform untuk murid mengaplikasikan kemahiran bahasa mereka secara praktikal dan menyeronokkan.

Kelab BIOSIS FSSM SEMAI KESEDARAN PENYAKIT BAWAAN NYAMUK

Oleh: Dr. Suzana Misbah
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin



Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM) telah bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dalam penganjuran 'Program Kesedaran Nyamuk 2025' peringkat Negeri Terengganu pada 6 September 2025 bertempat di Dewan KPKT Program Perumahan Rakyat (PPR) Hiliran. Program ini dilaksanakan sempena *World Mosquito Day* bagi memperingati penemuan oleh Sir Ronald Ross pada tahun 1897 mengenai peranan nyamuk dalam penularan malaria. Sambutan ini diperluas bagi meningkatkan kesedaran global terhadap penyakit bawaan nyamuk seperti Denggi, Zika, Chikungunya dan Japanese Encephalitis.

Program ini turut dianjurkan bersama Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Terengganu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Persatuan Entomologi Kesihatan Awam Malaysia dan Persatuan Penduduk PPR Hiliran, Kuala Terengganu. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, Dato' Dr. Hajah Kasemani Embong.

Seramai 56 orang pelajar Sarjana Muda Sains (Sains Biologi) dengan Kepujian di bawah naungan Kelab Gabungan Mahasiswa Biologi (BIOSIS) FSSM UMT, terdiri daripada 40 pelajar tahun pertama dan 16 pelajar tahun kedua, telah terlibat secara aktif dalam penganjuran reruai pameran. Pelbagai aktiviti interaktif telah dijalankan seperti *Build Your Own Mosquito Trap*, *Mosquito Match*, Pancing Bebas Denggi dan Match the Cycle telah berjaya menarik minat ramai pengunjung. Selain aktiviti tersebut, program turut dimeriahkan dengan pertandingan mewarna, aktiviti *10,000 Steps* dan *Plogging* bersama komuniti setempat, program derma darah, pameran racun serangga oleh syarikat tempatan, serta sesi *podcast* bersama panel jemputan.

Program ini bukan sahaja memberi pendedahan kepada masyarakat tentang bahaya nyamuk, malah menjadi platform bagi pensyarah dan pelajar UMT menyampaikan ilmu kepada komuniti mengenai pencegahan penyakit bawaan nyamuk. Penglibatan ini juga secara tidak langsung



memperkukuh kemahiran insaniah, komunikasi dan kepimpinan pelajar, selaras dengan hasrat UMT melahirkan graduan yang berpengetahuan, prihatin dan berdaya saing.

‘Program Kesedaran Nyamuk 2025’ ini turut menekankan elemen kelestarian melalui pembudayaan gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti dan penjagaan persekitaran yang bersih serta bebas pembiakan nyamuk. Pendekatan ini diharap dapat menyokong matlamat pembangunan mampan (SDG) berkaitan kesihatan dan kesejahteraan komuniti. Program seperti ini diharapkan dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai inisiatif kolaboratif antara universiti, agensi kesihatan dan komuniti setempat, dalam usaha bersama menangani isu penyakit bawaan vektor serta memperkukuh kesihatan awam di negeri Terengganu.



Mahasiswa Matematik UMT **SANTUNI DUA BERADIK** **PESAKIT KRONIK DI** **MERLIMAU**

Oleh: Prof. Madya Dr. Mohamad Nazri Husin
Muhammad Darwisy Azizor
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Himpunan Mahasiswa Matematik (HIMMAT) dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) telah menyantuni masyarakat melalui satu program sukarelawan di DUN Merlimau, Melaka. Program ini melibatkan aktiviti gotong-royong membersihkan rumah dua adik-beradik yang menghadapi masalah kesihatan dan merupakan penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Aktiviti yang berlangsung selama sehari itu disertai oleh sekumpulan pelajar yang bergotong-royong membersihkan setiap sudut rumah, termasuk ruang tamu, bilik tidur, dapur, dan kawasan persekitaran. Matlamat utama program ini adalah untuk mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan selesa untuk dua beradik tersebut.

Selain membersihkan rumah, HIMMAT turut menyampaikan sumbangan berupa barangan keperluan harian dan wang tunai bagi membantu meringankan beban kewangan keluarga tersebut. Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Merlimau, Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh juga tidak ketinggalan menghulurkan sumbangan berupa hamper dan barangan dapur seperti beras, minyak masak dan gula serta membekalkan peralatan-peralatan gotong-royong.

Program ini berjaya direalisasikan hasil jalinan kerjasama padu daripada HIMMAT, JKM Dun Merlimau, Unit Warga



Emas serta Pasukan Sukarelawan Khidmat Bantu Dirumah (KBDR) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Jasin, Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN), Merlimau dan sokongan penuh Pegawai Khas Ketua Menteri Melaka, Dato' Azman Dollah serta komitmen JPKK Merlimau Barat.

Melalui program seperti ini, Mahasiswa Matematik membuktikan bahawa ilmu matematik bukan hanya tentang nombor dan formula, tetapi juga tentang nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi, iaitu membantu, berkongsi, dan prihatin terhadap nasib orang lain. Ia juga menunjukkan kesungguhan UMT dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga berjiwa murni dan sedia berkhidmat untuk masyarakat.

Solusi Kehidupan Dengan Terapi Zikir Asma'ul Husna Al-Qabidh (Siri 22)

Oleh:

Dr. Mohd Radhi Abu Shahim

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Pengenalan

Al-Qabidh merupakan salah satu nama Allah SWT yang membawa makna Allah Yang Maha Menyempitkan. Seperti dalam Firman-Nya yang bermaksud:

Allah jualah Yang menyempit dan Yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan.

(Al-Baqarah 2:245)

Setiap keadaan antara manusia tidak akan sama, walaupun seseorang itu menjalani kehidupan bersama-sama dengan seorang yang lain. Hal ini kerana merujuk kepada ayat di atas, Allah yang Maha Menyempitkan dan Allah jualah yang Maha Meluaskan rezeki kepada sesiapa yang Allah SWT kehendaki.

Perbincangan

Apabila berbicara tentang Allah Yang Maha Menyempitkan. Terdapat lapan perkara yang dapat dibahaskan mengenainya iaitu:

Allah SWT berkuasa atas segalanya

Allah SWT menyempitkan rezeki hamba-Nya untuk menunjukkan kekuasaan dan menunjukkan bahawa kita semua tertakluk di bawah kekuasaan-Nya. Secanggih mana ciptaan teknologi manusia, tetap tidak dapat melawan kekuasaan Allah SWT. Sejauh mana kita menjaga sesuatu perkara, andai Allah SWT berkehendak untuk menyempitkan atau menjadikan maka sesuatu keadaan itu akan terjadi walaupun kita tidak ingin berlaku. Hal ini hendak menunjukkan bahawa Allah SWT berkehendak untuk melakukannya dan menunjukkan kekuasaan-Nya.

Sepertimana peristiwa yang berlaku pada 26 Disember 2004, berlakunya Tsunami di Aceh yang mana lebih kurang 200 ribu orang yang terkorban dan hilang. Tiada sesiapa pun yang dapat menjangkakan perkara seperti itu akan berlaku.

Belum tiba masa yang sesuai Allah SWT menunjukkan jalan keluar dari kesempitan hidupnya

Pada ketika berlaku kesempitan dalam hidup, kadang kala kesempitan itu tidak berlaku bukan selama-lamanya, sebenarnya Allah SWT masih belum menunjukkan jalan keluar kepada hambanya yang diuji, kerana waktunya masih belum sesuai. Allah SWT yang menyempitkan dan Allah SWT juga yang akan beri jalan keluar seperti Firman-Nya yang bermaksud:

“Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan”

(al-Insyirah 94:5)

Sebagai hamba Allah SWT yang beriman, hendaklah kita bersabar setelah berusaha ketika melalui kesempitan sesuatu, kerana kesenangan itu pasti akan datang kepada kita setelah melalui kesempitan dan cabaran dalam kehidupan. Kadang kala, seseorang itu dapat merasakan bahawa

masih belum tiba masanya untuk Allah SWT mengurniakan sesuatu kepadanya. Sebagai contoh, Rasulullah SAW berdakwah di Mekah dalam keadaan yang susah, dipulau oleh masyarakatnya, sehingga Nabi SAW terpaksa ikat perut menahan lapar.

Kemudian Nabi SAW berhijrah ke Taif dan dibaling dengan batu ketika dalam perjalanan oleh penduduk Taif sehingga berdarah. Sedangkan Nabi SAW hanya membawa risalah yang benar tetapi Baginda SAW dilayan dengan layanan yang buruk. Baginda SAW meyakini bahawa masih belum tiba masanya yang dijanjikan oleh Allah SWT. Namun, setelah 13 tahun di Mekah, Allah SWT menurunkan ayat supaya Nabi SAW berhijrah. Maka Nabi SAW berhijrah dan hasilnya Islam semakin berkembang di seluruh tempat hasil dari kesabaran Nabi SAW. Maka turunlah ayat yang bermaksud:

“Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (semasa engkau wahai Muhammad berjaya menguasai negeri Makkah), Dan engkau melihat manusia masuk dalam agama Allah beramai-ramai”

(An-Nasr 110:1-2)

Allah SWT ingin menguji hambanya yang berusaha terlebih dahulu, sehinggalah tiba masa yang sesuai untuk diberikan petunjuk kepada hamba-Nya. Contohnya pada masa kini, jika hari ini kita mengusahakan sesuatu, dalam apa jua keadaan sekalipun hendaklah kita bersabar dalam menempuh cabarannya dan meyakini balasan yang baik daripada Allah SWT. Allah SWT sentiasa bersama-sama dengan hamba-Nya yang sentiasa bersabar dalam apa jua keadaan seperti firman-Nya yang bermaksud:

“...sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar”

(Al-Baqarah 2:153)

Kesempitan hidup sebagai ujian kerana balasan dosa

Kesempitan hidup juga boleh disebabkan oleh dosa-dosa yang telah dilakukan dan sebagai bala ke atas hamba yang melakukannya. Ulama' juga ada menyatakan bahawa jangan kita memperkecilkan dosa yang telah dilakukan walaupun dosa kecil, kerana dibimbangi, Allah SWT murka terhadap perbuatan itu dan memberikan balasan secara terus terhadap hamba-Nya yang melakukan perbuatan itu. Allah SWT bersifat al-Qabidh, pada bila-bila masa sahaja Allah SWT berkehendak untuk membalas setiap perlakuan hambanya. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka (masing-masing menerima azab dunianya) - adapun Thamud (kaum Nabi Soleh), maka mereka telah dibinasakan dengan (petir) yang melampau dahsyatnya. Adapun Aad (kaum Nabi Hud), maka mereka telah dibinasakan dengan angin ribut yang kencang, yang melampau kencangnya, Yang diarahkannya menyerang mereka tujuh malam lapan hari terus-menerus; (kalaulah engkau menyaksikannya) maka engkau akan melihat kaum itu bergelimpangan mati, seolah-olah mereka: batang-batang pohon kurma yang (tumbang dan) lompong”

(Al-Haaqqah 69:5-7)

Berdasarkan keratan ayat di atas, Allah SWT menceritakan tentang bagaimana umat-umat terdahulu yang sangat melampau dan menderhaka terhadap Nabi yang diutuskan kepada mereka, sehingga mereka seolah-olah mencabar para Nabi.

Setelah itu, Allah SWT mendatangkan balasan kepada mereka atas perkara yang telah mereka lakukan. Allah SWT akan membalas setiap perlakuan hamba-Nya, jika seseorang itu berbuat baik maka dia akan dibalas baik, begitu juga sebaliknya. Islam adalah agama dunia mahupun akhirat. Dalam hadis Nabi SAW ada menyebut bahawa jika kita berbuat baik ketika di dunia, ketika di dunia lagi Allah SWT akan membalasnya.

Kaffarah dosa dengan cara bertaubat kepada-Nya

Kaffarah atau penghapusan dosa bagi hamba Allah SWT adalah dengan cara melalui jalan taubat kepadanya. Namun, ada sebahagian daripada hamba Allah SWT yang tidak mahu bertaubat. Mungkin kerana mereka masih belum sedar tentang dosa yang dilakukannya disebabkan kekurangan ilmu ataupun sebab-sebab yang lain. Allah SWT mendatangkan kesusahan sebagai penghapusan dosa bagi mereka. Ujian-ujian yang Allah berikan adalah selayaknya bagi hamba-Nya. Dugaan yang diturunkan juga adalah selaras dengan tahap keimanan seseorang itu.

Meningkatkan darjat di sisi Allah SWT

Terdapat keadaan di mana Allah SWT memberikan kesempatan dalam kehidupan kepada hamba-Nya untuk meningkatkan darjat mereka. Ketika mana seseorang itu dilahirkan dan diberi nama, dia juga akan meninggal dunia dengan namanya itu. Di sisi Allah SWT semua manusia lahir dengan hanya satu nama iaitu Abdullah yang bermaksud hamba Allah. Tetapi apabila meninggal dunia, namanya tidak lagi sama. Ada yang lahir dengan nama Abdullah dan meninggal dengan nama al-Muttaqin yang bermaksud orang yang bertaqwa. Ada yang lahir dengan nama Abdullah dan meninggal dengan nama Ashabul Yamin yang bermaksud golongan kanan yang diberi nikmat. Ada yang lahir dengan nama Abdullah dan meninggal dengan nama Waliyullah yakni wali Allah. Banyak juga antara hamba Allah SWT yang lahir dengan nama Abdullah dan meninggal dengan nama laknatullahialaih yakni Allah laknat ke atasnya. Kadangkala Allah SWT menyempitkan keadaan seseorang itu untuk meningkatkan darjatnya.

Sebagaimana Nabi Ayub AS diuji Allah SWT badannya berulat sehingga tidak bermaya. Sebenarnya itu adalah dugaan ujian bagi meningkatkan darjat Nabi Ayub AS. Pada suatu hari syaitan berkata: “Wahai Tuhan, Ayub boleh beribadah kepada Engkau kerana rezekinya luas, dia kaya dan anak-anaknya ramai dan soleh. Bagaimana jika dia tiada harta dan anak-anak yang soleh? Pasti dia tidak menyembah Mu ya Tuhan.” Allah berkata kepada syaitan: “Ayub itu daripada hamba-hambaku yang soleh.” Kemudian syaitan berkata lagi, “Tuhan izinkan aku untuk memporak-perandakan Ayub, pasti selepas ini dia tidak akan menyembah Engkau”. Maka Allah SWT mengizinkannya. Dengan izin Allah SWT, syaitan bawa penyakit ke rumah Nabi Ayub AS. Anak-anak Nabi Ayub AS sakit seorang demi seorang, kemudian semua anak-anaknya meninggal dunia. Selepas itu, Nabi Ayub AS pula diserang satu penyakit sehingga teruk. Tetapi walaupun dalam keadaan begitu Nabi Ayub AS tetap solat dan menyembah Allah SWT. Akhirnya syaitan berputus asa dengan ketaatan Nabi Ayub AS. Selepas itu, Allah SWT mengurniakan kesembuhan kepada Nabi Ayub AS, kembalikan hartanya dan kurniakan anugerah anak-anak yang soleh dan solehah kepadanya.

Allah SWT memberikan ujian untuk menguji keimanan hambaNya

Keadaan sempit diturunkan kepada seseorang itu kerana Allah SWT mahu menguji keimanannya. Dalam al-Quran Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuinya tentang orang-orang yang berdusta”

(Al’Ankabuut 29:3)

Jangan sangka kita tidak diuji oleh Allah SWT. Tujuan Allah SWT memberikan ujian kepada hamba-Nya, adalah untuk Allah SWT memperlihatkan kepada saksi-saksi yang ada ketika kita masih hidup. Kerana di akhirat nanti, dengan kasih sayang Allah SWT kita diadili dengan didatangkan saksi-saksi. Saksi yang akan memberi penyaksian pada akhirat kelak ialah Allah SWT, malaikat, manusia, anggota badan, makhluk-makhluk yang lain.

Menambahkan pahala hamba-Nya dengan didatangkan ujian

Kesempitan dan kesusahan yang diberikan oleh Allah SWT adalah untuk menambah pahala hamba-hamba-Nya. Pahala yang dimaksudkan dapat dibahagikan kepada dua bentuk;

- i. Pahala kesabaran: orang yang bersabar dalam ujian yang diberikan oleh Allah SWT akan mendapat ganjaran pahala dari Allah SWT.
- ii. Pahala berusaha: berusaha untuk memperbaiki keadaan, dengan izin Allah SWT akan memperoleh pahala daripada keberkatan-Nya. Jangan hanya mengeluh atau merungut kerana ianya tidak akan memberi apa-apa manfaat dalam kehidupan kita. Malahan ia juga akan membuka ruang untuk syaitan masuk ke dalam diri kita. Perbanyakkanlah berdoa dan mohon petunjuk dari Allah SWT.

Pengganti kepada sesuatu yang lebih baik

Allah menyempitkan sesuatu itu kerana Allah SWT akan menggantikannya dengan sesuatu yang lebih baik ketika di dunia ataupun di akhirat. Anugerah Allah SWT berikan kepada kita sebagai hambanya amat luas dan tidak berpenghujung. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Tidaklah Allah mengambil sesuatu dari hamba-Nya kecuali Dia menggantinya dengan yang lebih baik”

(Hadis Riwayat Ahmad)

Kesimpulan

Kesimpulannya, kadang-kadang Allah SWT menyempitkan hidup kita agar kita kembali kepada-Nya. Firman-Nya dalam surah al-Baqarah, ayat 156 yang bermaksud “Dari Allah kita datang kepada Allah kita kembali”. Maka apabila kita melihat orang lain dalam keadaan sempit dan diuji dengan sesuatu, jangan kita beranggapan kesempitan yang dialaminya itu sebagai bala baginya. Perbetulkan perspektif kita kepada sesuatu yang lebih baik dan positif. Tiada siapa yang mengetahui, jika kesempitan itu diuji kerana Allah SWT ingin mengangkat darjatnya atau memberikan sesuatu yang lebih baik kepadanya. Ingatlah bahawa segala yang berlaku adalah atas kekuasaan dan kehendak Allah SWT. Oleh itu, janganlah kita mudah menghukum jika Allah SWT menyempitkan dan memberi ujian kepada hamba-hamba-Nya.

Terkini DI PASARAN




RM31.00

Kearifan Tempatan: Sumber Laut dalam Perubahan Tradisional

Pengarang

Hayatul Safrah Salleh, Nik Hazimah Nik Mat, Wan Norhayati Mohamed & Yusnita Yusof

ISBN: 978-629-7625-97-3
Tahun: 2025



RM34.00

Diari Kehidupan Kolej Kediaman dalam Era COVID-19: Cabaran dan Inspirasi

Pengarang

Radiyah Ali, Mohamad Safuan Azhar & Nik Aziz Nik Ali

eISBN: 978-629-7625-87-4
Tahun: 2025



RM60.00

Beneficial Insects: The Ecosystem Guardian

Pengarang

Shamsul Bahri Abd Razak & Husni Che Ngah

ISBN: 978-629-7625-85-0
Tahun: 2025



RM36.00

Current Agriculture and Farming Technology in Malaysia

Pengarang

Ng Lee Chuen & Shamsul Bahri Abd Razak

ISBN: 978-629-7625-95-9
Tahun: 2025



RM44.00

Ketersediaan Sumber Air Lembangan Sungai Terengganu

Pengarang

Mohd Sofiyah Sulaiman, Marini Mohamad Ideris, Nik Nur Farah Fashihah Nik Mohd Nidzam, Goh Yee Cai, Nazaitulshila Rasit & Wan Rafizah Wan Abdullah @ Wan Abd. Rahman

ISBN: 978-629-7625-94-2
Tahun: 2025



RM51.00

Sekolah Rimba Semoq Beri

Pengarang

Khatijah Omar, Norhayati Ab Manaf & Siti Nor Adawiyah Azzahra Kamaruddin

ISBN: 978-629-7625-92-8
Tahun: 2025

